

International Conference on Economics, Entrepreneurship and Management

2019 (ICEEM2019)

Langkawi

July 6, 2019

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DALAM PEMERKASAAN INDUSTRI HALAL DI KALANGAN USAHAWAN: SUATU ANALISIS¹

Jamal Abdul Nassir Shaari¹, Hisham Sabri², Muhammad Nizam Awang³, Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli⁴, Mohammad Aizat Jamaludin⁵, Nor 'Azzah Kamri⁶, Ungku Fatimah Ungku Zainal Abidin⁷

^{1,2,3,4}Universiti Sains Islam Malaysia

⁵Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

⁶Universiti Malaya

⁷Universiti Putra Malaysia

Abstrak. Pensijilan Halal merupakan salah satu daripada mekanisme pembangunan produk halal di kalangan usahawan. Tambahan pula, ia menjadi pemangkin bagi memperkukuhkan prestasi dan kewangan syarikat. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dalam mendapatkan sijil Halal Malaysia iaitu dari segi kewangan, sumber manusia, pemasaran dan operasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang perlu diperkasakan serta diatasi oleh usahawan bagi melicinkan proses pengurusan pensijilan halal Malaysia. Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersifat kualitatif. Kajian ini juga melibatkan beberapa pihak berkepentingan samaada dari aspek regulatori, penyedia khidmat bimbingan usahawan serta jaringan usahawan yang terlibat dalam industri halal. Selain itu, terdapat juga faktor sampingan yang perlu diperkemaskan oleh pihak berkepentingan seperti kemudahan bagi mendapatkan sijil halal dari pembekal bahan ramuan (antarabangsa) serta infrastruktur yang memenuhi spesifikasi pensijilan halal Malaysia. Adalah diharapkan kajian ini mampu memperkasakan pengurusan syarikat di kalangan bumiputera khususnya bagi memperolehi pensijilan halal Malaysia secara lebih komprehensif dan berkualiti.

Pendahuluan

Halal telah menjadi suatu isu yang hangat diperbualkan oleh segenap lapisan masyarakat tidak kiralah daripada kalangan orang awam, ahli-ahli akademik mahupun pemain idustri. Merujuk kepada Malaysia yang terdiri daripada mojoriti umat Islam, isu halal sangat dititik

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di The International Conference on Economics, Entrepreneurship and Management 2019 (ICEEM 2019) pada 6 Julai 2019, HIG Hotel, Langkawi. Kajian dari Generic Halal Assurance System (HAS) Model for Small and Medium Enterprises (SMES), kod kajian: USIM/KIHIM/IHRAM/052003/40318.

beratkan bahkan menjadi satu panduan asas bagi kriteria pemilihan produk makanan mahupun servis di kalangan pengguna Muslim. Tidak keterlaluan jika Malaysia dinobatkan sebagai antara negara yang terbaik di kalangan pelabur untuk dijadikan destinasi bagi pelaburan mereka. Ini berikutan Malaysia mempunyai prestasi yang cemerlang dalam pasaran industri Halal serta berkembang pesat berbanding negara lain. Terkini, industri halal di Malaysia mencatatkan nilai sebanyak USD2.3 trilion serta menjangkakan peningkatan yang lebih tinggi untuk masa hadapan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh *Pew Research Centre's Forum on Religion and Public Life* (2011), jumlah bilangan komuniti Islam dijangka akan meningkat kepada 1.57 bilion daripada jumlah keseluruhan populasi dunia iaitu 6.8 bilion. Secara anggarannya, umat Islam akan berkembang mencapai 1 nisbah 4 daripada jumlah keseluruhan populasi dunia. Justeru itu, ini merupakan satu pasaran yang sangat berbaloi untuk diterokai oleh para usahawan-usahawan di bumiputera di Malaysia. Ini kerana, permintaan kepada produk sangat relevan sejajar dengan bertambah populasi dunia yang mana secara konsistennya makin bertambah dari semasa ke semasa. Umum juga mengetahui bahawa produk halal bukan hanya dibincangkan oleh orang Islam sahaja bahkan turun dikongsi manfaatnya bersama penganut bukan Islam.

Kajian Lepas

Pensijilan Halal di Malaysia

Persijilan Halal adalah suatu dokumen yang dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengesahkan bahawa sesuatu produk itu adalah mengikut garis panduan yang bertepatan dengan ajaran Islam daripada segi halal dan haram. Pensijilan Halal bukan hanya fokus kepada makanan sahaja bahkan meliputi keseluruhan proses pembikinannya.

Dalam erti kata yang lain, pensijilan Halal ini melibatkan penilaian terhadap makanan, sumber bahan mentah, prosedur-prosedur yang diguna pakai dalam penghasilan makanan serta segala aktiviti yang melibatkan pengurusan tempat penyimpanan makanan. (Razalli, Abdullah & Yusoff, 2012). Proses pensijilan Halal juga boleh ditakrifkan sebagai suatu proses audit dari segi pengeluaran bermula dari penyediaan, kaedah penyembelihan, bahan-bahan

yang digunakan, kaedah pembersihan, pengendalian, pemprosesan pengangkutan dan pengedaran (Jusmaliani & Nasution, 2010).

Pada tahun 1968, hasil pertemuan daripada Persidangan Majlis Raja-Raja Malaysia telah memutuskan untuk ditubuhkan satu badan yang mengawal selia perkembangan dan kemajuan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, telah tertubuhnya satu pertubuhan iaitu Bahagian Ugama yang mana pada awalnya dikenali sebagai Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia dan diletakkan di bawah bidang kuasa dan perhatian Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya, bahagian ini melalui satu lagi proses transformasi kepada Bahagian Hal Ehwat Islam (BAHEIS) yang mana menjalankan tugas memberi pengesahan halal kepada mana-mana pengusaha tempatan yang mengeluarkan produk makanan dan barang guna bermula pada tahun 1974. Pada tahun 1994, pengiktirafan halal telah ditukarkan kepada satu bentuk sijil pengesahan halal yang mana disertakan sekali logo halal yang perlu dipamerkan ke atas barangan tersebut.

Pada 1 Januari 1997, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah ditubuhkan melalui penjenamaan semula BAHEIS. Kerajaan Malaysia pada waktu itu telah melantik sebuah syarikat swasta iaitu Syarikat Ilham Daya Sdn Bhd bagi menjalankan proses pemeriksaan premis bagi pensijilan halal. Namun begitu, tugas-tugas pengeluaran dan pemantauan pensijilan Halal masih kekal di bawah seliaan JAKIM.

Pada tahun 2002, JAKIM telah menubuhkan satu bahagian baru yang mana dikenali sebagai Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam (MGI). Atas sebab keperluan semasa, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan satu bahagian yang baru dikenali sebagai Bahagian Hub Halal JAKIM yang mana mempunyai fungsi khusus dalam pensijilan Halal Malaysia. Pada 8 Julai 2009 keputusan Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa segala hal-hal pengurusan pensijilan halal Malaysia samaada dalam atau luar Malaysia dikembalikan kepada JAKIM yang mana sebelum ini diambil alih sementara oleh Halal Industry Development Corporation (HDC).

Cabaran dalam Permohonan Pensijilan Halal Malaysia

Berdasarkan kajian-kajian lepas, antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PKS dalam permohonan pensijilan halal boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu kewangan, sumber manusia, pemasaran dan operasi. Menurut Hasnah, Saniza, Jayarman & Ishak (2013), isu kewangan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan PKS tidak mampu untuk bertahan dengan perniagaan mereka. Kenyataan ini juga disokong oleh Nkonge (2013) yang mana mengatakan bahawa isu kewangan adalah isu yang perlu ditekankan bagi perkembangan dan kemajuan PKS. Antara cabaran yang melibatkan kewangan adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh PKS seperti kos penstrukturan, perbelanjaan peralatan dalam konsultasi kualiti, yuran pendaftaran serta latihan individu. (Karipidis, Athanaaiadia, Aggelopoulos and Giompliaskis, 2009).

Merujuk kepada Laporan Tahunan PKS 2006 (2007:92), keupayaan pemasaran pengusaha kecil masih lagi lemah. Kajian yang lepas telah mencatatkan bahawa lebih 50% daripada keseluruhan industri kecil yang dikaji mengatakan bahawa mereka memperoleh keuntungan yang sedikit akibat daripada masalah pemasaran. Menurut Arif (2009), hal ini adalah disebabkan para usahawan kecil ini lebih senang bergantung dengan pihak ketiga berbanding mencari alternatif sendiri dalam meneroka dan mencari pasaran yang berpotensi membekalkan input dan memasarkan output. Menurut beliau lagi hal ini akan menyebabkan usahawan kecil ini tidak terdedah dengan dunia pemasaran yang sebenar dan kurang mahir dalam memanfaatkan peluang yang sedia ada. Ini juga disokong oleh Mohd Zulkifli et al. (2010) dan Sazelin (2009) yang mana mengatakan bahawa PKS kurang berpengetahuan dalam teknik-teknik pemasaran, penjenamaan dan kesetiaan dan kepuasan pelanggan.

Menurut Hasnah et al. (2013), kebanyakan daripada usahawan mempunyai masalah dan cabaran yang sama iaitu bantuan kewangan, modal insan dan pasaran. Menurut Kazimoto (2014), dia merumuskan bahawa PKS tidak mahir dalam menembusi pasaran antarabangsa, kekurangan sokongan kewangan daripada kerajaan, kurang faham tentang kehendak dan servis terhadap pelanggan, kurang berkemahiran dalam keusahawanan serta jaringan komunikasi yang lemah bagi memasuki pasaran antarabangsa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan menggunakan metod *focus group discussion* (FGD). FGD diadakan sebanyak lima kali di lima negeri berbeza, meliputi tiga negeri di Semenanjung, iaitu Kedah, Terengganu dan Negeri Sembilan, dan Sabah dan Sarawak. Responden kajian ini adalah pengusaha kecil sederhana (PKS) bumiputera dalam subsektor pembuatan makanan dan premis makanan. Secara keseluruhan FGD melibatkan 40 PKS. Mereka ditanyai mengenai cabaran yang mereka hadapi dalam memohon persijilan Halal JAKIM. Hasil temubual telah ditranskrip dan telah dianalisis menggunakan metod analisis tematik (Corbin and Strauss, 2007).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis tematik, kajian ini mendapati sembilan cabaran yang dapat digolongkan menjadi 4 tema utama iaitu kewangan, operasi, sumber manusia dan pemasaran. Perincian dapatan kajian dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1

Tema	Kategori	Kod
Kewangan	Kos pengubahsuaian kilang yang tinggi bagi memenuhi keperluan JAKIM	PKS merasa terbeban dengan kos renovasi kilang
		PKS memerlukan bantuan daripada segi kewangan bagi menampung kos renovasi
		PKS percaya bahawa isu-isu pengubahsuaian perlu diberi penekanan yang lebih oleh pihak JAKIM kepada mereka sebelum memulakan perniagaan
	Kos yang tinggi bagi mendapatkan peralatan yang baru	PKS sudah mempunyai peralatan mereka sendiri ketika memulakan perniagaan
		PKS memerlukan modal tambahan bagi membeli peralatan baharu yang mengikut spesifikasi daripada JAKIM
	Kos yang tinggi bagi bahan mentah import	Beberapa bahan mentah yang digunakan tidak mempunyai sijil halal yang sah
		Pembekal bahan mentah daripada luar negara tidak mengambil serius tentang sijil halal

Sumber Manusia	Kurangnya amalan etika kerja Islam di kalangan pekerja Melayu	Pekerja datang lambat ke tempat kerja
		Para pekerja tidak menunaikan solat
	Kurang pengalaman dalam pengurusan perniagaan	Para pekerja tidak mempunyai pengalaman dalam pengurusan perniagaan
		Para pekerja tidak tahu membuat proses pemfailan
Pemasaran	Kurang pengetahuan dalam ilmu pemasaran perniagaan	PKS tidak tahu cara untuk membuat promosi dan pengiklanan
		PKS kurang pengetahuan tentang fungsi logo halal dalam pemasaran
	Ketidakpedulian terhadap logo halal	Produk tersebut masih boleh bertahan walaupun tanpa logo halal kerana ia dikeluarkan oleh usahawan Muslim
		Usahawan percaya bahawa logo halal tidak begitu kritikal bagi sesetengah produk
Operasi	Tidak ada <i>Standard of Procedure</i> (SOP)	PKS tidak menyediakan SOP untuk pekerja-pekerja mereka
		PKS percaya bahawa SOP tidak begitu kritikal bagi pengurusan operasi mereka
	Kurang penggunaan teknologi	PKS cenderung untuk menggunakan tenaga kerja manual dalam pengeluaran mereka
		PKS percaya bahawa penggunaan teknologi akan menjejaskan keaslian produk mereka

Kewangan

Terdapat tiga isu utama berkenaan aspek kewangan, dimana kesemuanya berkaitan dengan kos yang tinggi. Salah satunya **adalah kos pengubahsuaian kilang yang tinggi bagi memenuhi keperluan JAKIM**. Menurut responden, mereka perlu menjalani pengubahsuaian berikutan spesifikasi kilang yang sedia ada tidak menepati kehendak JAKIM. Hal ini akan menyebabkan penggunaan kos yang agak tinggi kerana bahan-bahan dan peralatan yang diguna untuk pengubahsuaian kilang agak mahal serta proses tersebut memakan masa dan tenaga kerja yang ramai. Jika kilang yang sedia ada telahpun dibina menggunakan kos yang tinggi, proses pengubahsuaian yang akan dilakukan bakal menyebabkan kerugian kepada usahawan tersebut. Para usahawan PKS ini terdiri daripada usahawan-usahawan tempatan yang mana kebanyakan mereka mempunyai modal yang sangat terhad. Justeru itu, perkara

ini dilihat menjadi suatu beban kepada para usahawan serta akan menyebabkan mereka kurang berminat untuk memohon sijil Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Selain itu, bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan kos yang tinggi disebabkan pengubahsuaian kilang, responden berharap adanya bantuan daripada pihak-pihak yang berkaitan bagi menampung kos tersebut. Bantuan tersebut tidak semestinya berbentuk wang ringgit namun ia juga boleh digambarkan dalam bentuk peralatan ataupun tenaga kerja manusia yang mana menelan belanja yang agak tinggi. Hal ini juga dapat menampung kerugian yang terpaksa dialami oleh para usahawan sekiranya mereka terpaksa memberhentikan operasi mereka buat seketika waktu bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pengubahsuaian kilang yang dilakukan. Seandainya kerja-kerja pengubahsuaian mengambil masa yang lama, maka kerugian yang terpaksa ditanggung oleh usahawan akan lebih tinggi. Kerugian tersebut termasuklah dari segi stok bahan mentah, tenaga kerja, masa dan wang ringgit. Oleh itu, para usahawan mengharapkan agar adanya usaha-usaha daripada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang tertentu bagi meringankan beban mereka khususnya dari aspek kewangan.

Antara isu yang dibangkitkan oleh responden juga adalah perlunya pihak JAKIM memberi penekanan yang lebih dan berterusan kepada para usahawan berkenaan spesifikasi kilang yang telah digariskan oleh pihak mereka sebelum para usahawan membina kilang mereka sendiri. Ini kerana, mungkin usahawan-usahawan di luar sana terlepas pandang atau tidak mendapat informasi yang tepat berkenaan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh JAKIM. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan daripada pihak JAKIM berkenaan garis panduan tersebut samaada media cetak atau media massa. Justeru itu, penekanan JAKIM terhadap garis panduan kilang yang betul dapat membantu para usahawan dalam membuat persediaan awal bagi pembinaan kilang mereka. Oleh itu, kos kerugian yang terpaksa ditanggung akibat pengubahsuaian akan dapat dikurangkan serta meningkatkan lagi peluang mereka untuk mendapatkan sijil Halal.

Isu kewangan yang kedua adalah berkenaan **kos yang tinggi bagi membeli peralatan yang baru**. Seperti yang kita sedia maklum, JAKIM sangat mengambil berat tentang isu keselamatan dan kebersihan kawasan operasi. Oleh itu, sebarang penggunaan peralatan

yang boleh mendatangkan mudarat atau bahaya kepada pengguna adalah tidak dibenarkan sama sekali oleh pihak JAKIM.

Namun begitu, kebanyakan daripada responden mengatakan bahawa terdapat beberapa peralatan yang sedia ada terpaksa ditukar berikutan tidak memenuhi piawaian daripada pihak JAKIM. Hal ini terjadi disebabkan peralatan yang digunakan oleh usahawan berkemungkinan dapat mendatangkan bahaya dan mudharat kepada pengguna. Berikutan itu, mereka terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi mengganti semula peralatan sedia ada dengan peralatan yang baru. Bagi kilang-kilang yang berkapasiti rendah, mereka cenderung menggunakan peralatan-peralatan yang murah serta berisiko kepada pengguna.

Oleh itu, para usahawan mengharapkan adanya bantuan daripada pihak kerajaan atau badan-badan yang bertanggungjawab bagi membantu meringankan kos yang terpaksa mereka tanggung khususnya dalam aspek peralatan-peralatan yang berkualiti dan selamat. Hal ini dilihat sangat kritikal kerana ia melibatkan aspek keselamatan pengguna dan boleh menyebabkan kematian jika ditangani dengan serius.

Ketiga, **kos yang tinggi bagi bahan mentah import**. Menurut responden, mereka ada menggunakan bahan-bahan mentah daripada luar negara bagi penghasilan produk mereka. Ini kerana, mereka mendapati bahawa sesetengah bahan mentah yang mereka perlukan tidak terdapat di Malaysia dan harus diimport dari negara-negara jiran seperti Thailand. Terdapat juga bahan-bahan mentah yang boleh didapati di Malaysia namun stoknya sangat terhad. Namun begitu, isu yang timbul apabila menggunakan bahan mentah yang diimport adalah bahan mentah tersebut tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Oleh itu, bagi mengekalkan operasi, mereka terpaksa mengimport bahan-bahan tersebut walaupun kos yang terpaksa ditanggung agak tinggi. Ketiadaan logo halal bagi bahan mentah yang digunakan dapat menghalang usahawan daripada mendapatkan sijil halal JAKIM.

Selain itu, hal ini juga disebabkan oleh ketidakprihatinan pihak pembekal daripada luar negara khususnya terhadap kepentingan sijil halal bahan mentah mereka. Responden mengatakan bahawa mereka mengalami masalah dengan pembekal-pembekal yang masih tidak ada kesedaran tentang kepentingan logo halal. Keengganan mereka untuk memohon

sijil halal akan menyebabkan proses permohonan sijil Halal bagi sesetengah usahawan akan terganggu dan akhirnya tidak berjaya.

Sumber Manusia

Bagi aspek sumber manusia, terdapat dua isu utama yang diketengahkan oleh responden iaitu salah satunya adalah **kurangnya amalan etika kerja Islam di kalangan pekerja Melayu**. Kebanyakan responden mengalami masalah dengan sikap pekerja mereka yang mana sering hadir lambat ke tempat kerja. Walaupun hal ini tidaklah begitu kritikal berbanding isu-isu yang lain, namun kesannya terhadap prestasi sesebuah syarikat sangat besar. Bagaimana sesebuah syarikat dapat bergerak maju ke hadapan seandainya kekuatan organisasi tidak tercapai dek masalah disiplin pekerja yang meruncing. Tambahan pula, proses mendapatkan sijil Halal tidak berakhir seurus mendapatkan sijil tersebut bahkan ia lebih kritikal kerana jika tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan maka sijil halal tersebut akan ditarik pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, keperluan kepada kekuatan organisasi yang terdiri daripada barisan pekerja yang komited dan berdisiplin dapat menjamin kepada pengaplikasian sijil halal di kalangan usahawan.

Selain itu, aspek rohani di kalangan pekerja juga menjadi salah satu cabaran kepada para usahawan kerana ia merupakan pemangkin keberjayaan seseorang individu dalam apa jua bidang yang diceburinya khususnya bagi individu Muslim. Walaupun begitu, responden mengatakan bahawa masih lagi terdapat pekerja-pekerja Muslim yang belum cukup solat lima waktu sehari semalam. Hal ini secara langsung akan memberi kesan negatif kepada nama baik syarikat Muslim kerana produk yang dikeluarkan adalah daripada tangan-tangan orang yang tidak solat. Hal ini juga menjadi cabaran yang besar kepada para usahawan dalam memohon sijil Halal kerana mereka merasakan bahawa mereka masih belum bersedia untuk memohon sijil Halal. Menurut mereka, sijil Halal itu melambangkan keseluruhan aspek dalaman dan luaran syarikat yang mana mencerminkan Islam secara menyeluruh.

Kedua, **kurangnya pengalaman dalam pengurusan perniagaan**. Responden mengatakan bahawa kebanyakan pekerja adalah daripada golongan muda yang baru habis belajar, oleh itu pengalaman mereka dalam bidang pengurusan perniagaan masih lagi kurang dan sangat terhad. Tambahan pula, antara tugas yang perlu dilakukan oleh pekerja adalah proses

pemfailan. Namun begitu, kebanyakan daripada mereka masih tidak tahu melakukan proses pemfailan dan memerlukan tunjuk ajar daripada para usahawan. Hal ini akan melambatkan proses permohonan sijil halal yang mana kita semua sedia maklum bahawa proses tersebut memerlukan pendokumentasian yang lengkap berkenaan produk dan syarikat.

Pemasaran

Terdapat dua isu utama dalam aspek pemasaran yang dibangkitkan oleh responden iaitu yang pertama adalah kurangnya ilmu pemasaran dalam bidang perniagaan. Hal ini turut dialami oleh usahawan sendiri yang mana kebanyakan daripada mereka bukanlah dari latar belakang bidang perniagaan. Antara isu yang timbul adalah mereka tidak tahu untuk melakukan promosi dan pengiklanan produk. Hanya segelintir daripada mereka sahaja yang tahu memanfaatkan internet sebagai medium pemasaran. Natijahnya, mereka melihat bahawa kewujudan sijil Halal pada masa akan datang tidak memberi impak yang memberangsangkan dalam membantu memasarkan produk mereka. Sedangkan hal ini jelas bertentangan dengan fungsi dan peranan logo halal iaitu sebagai elemen penting dalam perkembangan perniagaan.

Seterusnya, antara isu yang kritikal juga adalah sikap sesetengah **usahawan yang tidak mengendahkan serta mempunyai sikap tidak mengambil kisah tentang kepentingan sijil Halal**. Menurut responden, mereka tidak memerlukan sijil Halal untuk kelangsungan perniagaan mereka kerana prestasi syarikat yang memberangsangkan. Ini kerana para pengguna telah menaruh harapan dan percaya kepada syarikat mereka yang mana diasaskan oleh usahawan Muslim. Justeru itu, ia merupakan cabaran yang harus ditangani oleh pihak kerajaan dalam memberi kesedaran kepada para usahawan tentang keperluan sijil Halal dalam perniagaan mereka.

Tambahan pula, ada responden yang mempertikaikan tentang keperluan sesetengah bahan mentah untuk mempunyai sijil Halal seperti bahan mentah yang lain. Contohnya, bahan-bahan mentah yang diproses oleh individu atau persendirian. Kebanyakan daripada pembekal merasakan sesetengah bahan mentah seperti ikan kering, ikan bilis dan seumpamanya tidak perlu kepada sijil Halal kerana prosesnya yang ringkas.

Operasi

Bagi aspek operasi, terdapat dua elemen utama yang dibincangkan oleh responden iaitu salah satunya adalah para usahawan tidak menyediakan *standard of procedure* (SOP) kepada pekerja mereka berkenaan tugas-tugas mereka. Hal ini kerana para usahawan berpendapat bahawa SOP tidak begitu kritikal bagi sesetengah tugas. Para usahawan hanya memberikan arahan kepada pekerja mereka secara manual dan berperingkat tanpa ada sebarang SOP. Hal ini menjadi cabaran kepada persijilan Halal kerana salah satu elemen persijilan adalah perlu mempunyai SOP bagi operasi syarikat mereka.

Akhir sekali adalah **kurangnya penggunaan teknologi dalam operasi syarikat**. Teknologi merupakan suatu keperluan pada masa kini kerana ia dapat membantu dalam menjimatkan masa dan membuatkan kerja kita lebih efisien. Penggunaan teknologi dalam bidang perniagaan sangat penting kerana ia dapat mengawal kualiti sesebuah produk serta dapat mengurangkan risiko-risiko yang boleh menyebabkan mutu sesuatu produk itu dipertikaikan. Namun begitu, responden berpendapat bahawa mereka lebih cenderung untuk menggunakan khidmat tenaga kerja mahir berbanding teknologi atau mesin. Ini kerana mereka berpendapat bahawa penggunaan tenaga kerja mahir dapat mengekalkan keaslian serta kelazatan produk tersebut.

Kesimpulan

Pensijilan halal adalah merupakan mekanisma penting dalam mengembangkan perniagaan. Sehubungan itu, eko system sokongan yang kuat adalah amat penting bagi memperkukuhkan system jaringan perniagaan halal. Namun begitu, komitmen tinggi dari pihak pengurusan organisasi adalah amat penting bagi menjayakan proses pensijilan dengan pemeraksanaan sistem jaminan halal yang bersifat fleksibiliti.

References

Corbin, J., & Strauss, A. (2007). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Hasnah, H., Saniza, S., Jayarman, K., & Ishak, I. (2013). Factors Influencing Small Medium Enterprises (SMES) in Obtaining Loan. *International Journal of Business and Social Science*, 4(15), 182-195
- Ilyia Nur, A. B., Rosli, S., Suhaimi, A. R., & Dzulkifly, M. H. (2012). Factors contributing to noncompliance of the halal standard among restaurant operators in Malaysia. *International Business Management*, 6(6), 611-620
- Jusmaliani & Nasution, H. (2010). Identification of the attributes of halal meat consumption: Study of Muslims in Jakarta and Melbourne. *Review of Indonesian Economic and Business Studies*, 1(1), 81-92.
- Kazimoto, P. (2014). Assessment of Challenges facing Small and Medium Enterprises towards International Marketing Standards: a Case Study of Arusha Region Tanzania. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 4(2), 303-311.
- Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, *Halal Food Production* (New York: CRC Press, 2004), 164; Mian Riaz, 'Halal Food Production for the Cereal Industry and the Halal Certification Process', 193
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. 2007. Laporan Tahunan PKS 2006. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Nkonge, B. K. (2013). Challenges faced by Small and Medium Enterprise Suppliers when bidding for tenders. A case of Thika District. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(12), 194-220.
- PEW Forum of Religion and Personal Life. (2011). *The future of the global Muslim population: Projections for 2010-2030*. Washington D.C